



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

BULETIN INTEGRITI SIRI 2 TAHUN 2018



Sayangi Malaysiaku

Terbitan: Unit Integriti

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

- Fazli bin Said

PENYELARAS / PENGARANG

- Shazana binti Zainal Abidin
- Tan Chee Keong
- Mohd Khelmi bin Khalid
- Sharifah Nurshafazillah binti Rosli
- Muhammad Ariff Aizuddin bin Abdullah
- Nurul Fathiyah binti Ghazali
- Mohd. Fairuz Azizi bin Abdullah
- Wan Muhamad bin Wan Junoh

TERBITAN

Unit Integriti
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4, Blok E12
Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya



03 - 8884 7982



03 - 8884 7922



wmuhamad.wjunoh@moe.gov.my



<http://www.moe.gov.my>

S U M B A N G A N K A R Y A

- Kami mengalu-alukan sebarang sumbangan karya bertema integriti (rencana, artikel, berita, cerpen, sajak dan lain-lain) untuk dikongsi bersama pembaca Buletin Integriti.
- Hantarkan karya anda ke kpm.ui@moe.gov.my.

PERUTUSAN

Ketua Setiausaha KPM

Assalamualaikum WBT / Selamat Sejahtera.

Majlis Sambutan Ulang Tahun Kemerdekaan Negara Tahun 2018 ini, telah mengangkat tema **'Sayangi Malaysiaku'** sebagai tema sambutannya. Tema ini menjulang kepelbagaian sebagai ciri unik masyarakat Malaysia daripada pelbagai latar bangsa, budaya dan agama, dijalin dan diikat kukuh melalui sifat kasih dan cinta yang tidak berbelah bahagi kepada negara. Sifat kasih dan cinta kepada negara ini bukan hanya sekadar laungan atau sifat sementara yang hanya bangkit pada majlis sambutan hari kemerdekaan sahaja tetapi perlu bertapak dan subur dalam hati setiap insan yang bergelar anak Malaysia.

Alaf baharu membawa pelbagai perubahan dan cabaran getir yang harus kita hadapi, terutama sekali dalam konteks bidang pendidikan. Bidang pendidikan ini amat kritikal dan memainkan peranan yang paling besar dalam menentukan kemenjadian bangsa Malaysia untuk menerima perubahan dan mempersiapkan generasi muda negara bagi menghadapi cabaran-cabaran getir yang mendatang. Justeru, pemerkasaan menyeluruh dan berterusan terhadap bidang ini perlu dilaksanakan terutamanya daripada sudut pengisian (*content*), alat atau mekanisme pendidikan (*tools*) dan infrastruktur untuk memastikan masyarakat alaf baharu negara dapat dididik agar berupaya menghadapi perubahan dan mengharungi cabaran yang mendatang dengan penuh integriti dan nilai kesantunan yang tinggi.

Memetik kata YB Menteri Pendidikan Malaysia iaitu;

"Kita banyak sangat berbeza antara satu sama lain, budaya berbeza, agama berbeza, ideologi berbeza, politik dan sebagainya yang berbeza tetapi kita perlu satu budaya baru iaitu budaya kasih sayang untuk menuju kebahagiaan".

(Dr. Maszlee bin Malik)

Pemupukan budaya kasih sayang perlu diterapkan di semua peringkat, bermula di institusi pendidikan awal kanak-kanak sehingga ke peringkat pengajian tinggi. Pepatah Melayu ada mengatakan **'melentur buluh biarlah dari rebungnya'**. **Budaya kasih sayang yang disemai bermula di peringkat awal ini akan dapat mengikat dan mempengaruhi secara positif cara masyarakat alaf baru negara berfikir, bertingkah laku dan bertindak dalam kerangka budaya dan norma kehidupan masyarakat majmuk negara ini.**

Semoga segala perkongsian melalui buletin ini dapat memberi manfaat kepada semua **'Keluarga Besar KPM'**.

Sekian, terima kasih.



YBHG. DATO' DR. MOHD GAZALI ABAS
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

MENJEJAKI WARISAN INTEGRITI

Nenek Moyang Kita

Oleh: Tan Chee Keong, UI KPM

Malaysia Baharu telah memberi harapan baharu kepada rakyat kita. Sungguhpun demikian, pembudayaan integriti dalam kalangan penjawat awam masih menjadi salah satu cabaran yang terbesar. Di manakah kita boleh mencari sumber ilham yang dapat menyahut cabaran tersebut?

Selain daripada agama, mencungkil semula kisah-kisah keperibadian dan sifat-sifat nenek moyang kita merupakan cara terbaik untuk kita menjiwai nilai-nilai integriti dalam kerja dan kehidupan seharian kita. Ironisnya, dalam hal ini pengisah-pengisah yang paling hebat bukan manusia yang masih hidup dalam kalangan kita yang berjanggut panjang, berdahi kedut atau berambut putih yang menandakan kepanjangan akal dan kedalaman ilmu mereka. Hakikatnya, 'pengisah-pengisah' yang paling memberi kesan dan meyakinkan ialah cahaya, batu, tulang dan darah.

Penulis tidak mengajak penjawat awam memuja cahaya, batu, tulang dan darah kerana kita percaya dengan yakin Tuhanlah Pencipta segala-galanya. Kita semua datang daripada-Nya dan akan pulang kepada-Nya.

Namun demikian, Dia telah meninggalkan petunjuk-petunjuk untuk kita jejak asal usul semua ciptaan-Nya, termasuklah diri kita sendiri (manusia), supaya kita mencari makna hidup dan amanah yang telah Dia kurniakan kita. Ibarat rama-rama yang cantik dan beraneka warna yang dijelma daripada ulat dan kepompong, manusia juga mengalami satu proses metamorphosis yang tidak kurang indahnyanya. Kalau cahaya (suhu) memberitahu kita umur alam semesta ini, batu (karbon) memberi maklumat usia Bumi, maka tulang (kalsium) dan 'darah' (DNA) yang telah membongkar rahsia kepada kita tentang berapa lama sesuatu makhluk itu telah wujud di Bumi.

*"Daripada Ulat Jadi Kepompong,
Ulat Hidup Dalam Gelongsong,
Sampai Masa Kepompong Pecah,
Jadi Rama-rama Yang Indah,
Rama-rama Terbang Merata,
Sungguh Cantik Aneka Warna,
Hisap Madu Di Pohon Bunga,
Tapi Sayang Hidup Tak Lama".*



Sir Donald McGillivray dan Lady McGillivray berjalan di Landasan Lapangan Terbang Sungai Besi dengan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Rahman dan Raja Permaisuri Agong, Tunku Khurshiah sebelum menaiki penerbangan ke London pada Ogos 1957

- Gambar Arkib

Sebelum Tuhan mencipta dan memberi roh kepada manusia, kita bersyukur, kerana kewujudan makhluk-makhluk ciptaan-Nya sebelum kelahiran manusia telah memberi laluan yang selesa kepada manusia untuk membina tamadun yang menakjubkan. Sehingga hari ini, manusia merupakan makhluk yang paling berkuasa di Bumi. Daripada menjadi pengumpul-pemburu yang bergerak dalam kelompok yang kecil dan penternak-petani yang bertapak di kampung kuno, hatta membina pekan, bandar, bangsa, empayar dan negara yang makmur, manusia semakin bergantung kepada pembentukan nilai-nilai integriti seperti kasih sayang dan hormat menghormati bagi menjalin kerjasama yang erat dan membina kehidupan yang bahagia.

Perjalanan pembentukan nilai-nilai integriti tersebut bukanlah mudah. Ia berliku-liku dan bersusah-payah.

Terdapat waktu-waktu pemusnahan, malapetaka, kebinasaan, kebuluran, dan peperangan yang tidak terhingga kesengsarannya. Tetapi kadang-kadang juga wujud zaman-zaman yang berpadu, bertimbang rasa, bertanggungjawab, bekerjasama dan berjiwa besar. Penghijrahan nenek-moyang kita daripada tempat asal mereka ke serata dunia berlaku secara beransur-ansur dalam jangka masa yang agak panjang. Bagi mencari nafkah dan rezeki baru di tempat lain. Mereka telah menghadapi pelbagai cabaran alam semula jadi yang tidak pernah mereka alami di tempat asal mereka.

Setiap kali mereka berhijrah, mereka perlu mengubah cara hidup asal mereka bagi menyesuaikan diri dalam alam persekitaran yang jauh berbeza dengan tempat asal mereka melalui penemuan dan penggunaan kemahiran atau peralatan yang baru. Tidak seperti makhluk-makhluk lain yang sezaman dengan manusia, di tempat yang amat dingin dan gersang nenek-moyang kita tidak mempunyai bulu dan kulit yang tebal. Tapi mereka mempelajari bagaimana menjahit pakaian daripada kulit-kulit makhluk-makhluk yang lain. Mereka tidak mempunyai sirip yang membolehkan mereka berenang sendiri dalam sungai dan laut atau semasa banjir besar, tapi mereka menghasilkan sampan dan perahu. Mereka tidak memiliki taring dan cakar yang tajam, tapi mereka mengasah batu-batuan dan mereka ia sebagai senjata mereka.

Rentetan tersebut mengisahkan satu hikayat nilai-nilai integriti seperti berani, berdaya juang, berdaya maju, berdaya reka, bertekun, berazam dan senantiasa bersedia untuk membuat perubahan atau melalui proses metamorphosis seperti ulat menjelma sebagai kepompong yang sepi dan kemudian menjadi rama-rama yang terbang merata. Yang lebih penting, mereka tidak mungkin mencapai kejayaan tersebut jika mereka bertindak secara persendirian tanpa kira betapa pintar dan cerdik mereka. Pencapaian tersebut berhasil kerana amalan nilai-nilai integriti mereka seperti kasih sayang dan hormat-menghormati yang melestarikan kerjasama yang bermakna antara manusia sebagai satu masyarakat atau ummah.

*Kisah besar perjuangan nenek-moyang kita yang bersemarak dan zaman-berzaman sejak manusia dicipta di Bumi harus dijadikan sebaik-baiknya satu teladan atau seboleh-bolehnya diambil sebagai satu iktibar atau peringatan buat kita semua. **INGATLAH, tanpa nilai-nilai integriti yang diamalkan oleh nenek moyang kita dengan keredaan-Nya, siapalah kita? Jangan sia-siakan atau hancurkan khazanah atau warisan yang mereka tinggalkan untuk kita hasil daripada nilai-nilai integriti yang mereka amalkan. Semata-mata kerana sifat-sifat kita yang tamak haloba yang tidak berintegriti!***

Tunku Abdul Rahman Putra
sejak 31 ogos 1957 lagi.

***Selamat 61 tahun merdeka,
Malaysia!***



PENGAMALAN INTEGRITI MELALUI PENGHAYATAN RUKUN NEGARA

**Sayangi
Malysiaku**



Oleh: Muhammad Ariff Aizuddin bin Abdullah, UI KPM

Tanggal 31 Ogos merupakan **detik terindah yang perlu diingati setiap lapisan masyarakat Malaysia**. Walaupun generasi hari ini tidak merasa aura dan jiwa sebenar kemerdekaan pada 1957, namun laungan keramat Merdeka Tunku Abdul Rahman masih lagi bergema dan menjadi getaran pembakar semangat untuk mengekalkan kemerdekaan yang dikecapi. Arakian menginjak usia 61 tahun pada tahun ini sedikit sebanyak memberikan gambaran betapa lamanya tanah bertuah ini bebas daripada penjajahan. Di tanah tumbuhnya rumput merdeka ini, telah banyak nyawa yang terkorban dengan darah, keringat dan air mata dalam memperjuangkan harga sebuah kebebasan.

Hari ini, marilah kita sebagai rakyat Malaysia bersama-sama, tanpa mengira bangsa dan agama, warna kulit mahupun fahaman politik berbicara dari hati ke hati sesama kita, agar segala persepsi dan interpretasi negatif, prejudis dan prasangka yang telah didoktrinkan sekian lama ditolak ke tepi demi kelangsungan sebuah kemerdekaan. **Cukuplah peristiwa berdarah 47 tahun yang lalu menjadi ibrah kepada seluruh penduduk di bumi bertuah ini betapa pentingnya nilai hormat-menghormati serta tolak ansur dalam membentuk kehidupan yang harmoni.**

Hanya kerana persepsi dan provokasi, hilang toleransi dan retak kepercayaan yang telah diterap sekian lama bagi mencapai maksud sebuah perpaduan mengikut acuan kita. Namun percayalah, catatan demi catatan sejarah yang tercipta ini sebenarnya telah memahatkan sebuah seruan perpaduan yang penuh dengan hikmah. Semangat cinta akan negara yang kita sulam dalam pendidikan marcapada akan menjadi benteng pertahanan menyulam rasa sayang akan negara kerana inilah matlamat syumul sebuah pendidikan berteras negara bangsa demi melahirkan generasi Malaysia baharu yang seimbang dari aspek JERIS di samping menyumbang untuk kemakmuran sejagat. Laungannya masih sama, hanya suara yang berbeza manakala melodi dan rentak derapan merdeka bergerak seiring dengan tuntutan perjalanan masa.

“*Sayangi Negaraku*“ merupakan tema untuk sambutan ulang tahun kemerdekaan peringkat kebangsaan kali ini. Menyayangi negara adalah menjadi tanggungjawab semua sebagai rakyat Malaysia walaupun rasa kasih dan sayang itu dizahirkan dengan cara yang berbeza namun pada akhirnya tetap membawa definisi yang sama iaitu melalui tindakan masyarakat khususnya dalam mengekalkan keharmonian, kedaulatan dan pastinya kelestarian kemerdekaan.



Sorotan sejarah lampau membawa kita mengenal dimensi asal usul di mana bumi yang kita pijak maka di situlah langit yang sepatutnya kita junjung. Laungan *Gold, Glory, Gospel* yang didoktrinkan oleh penjajah telah berabad lamanya menyaksikan tanah tercinta ini bermandi darah, keringat dipaksa dan khazanah hasil mahsul bumi telah diperah serta mereka yang tidak berdosa dibunuh dan dinafikan hak untuk bahagia di bumi sendiri. Maka, generasi hari inilah yang harus bangkit dari keselesaan modenisasi dan dari lena yang dibuai dek teknologi yang mengasyikkan.



Amanat menjaga negara, mengekalkan keharmonian yang wujud dan ikrar menyemarakkan semangat sayang dan cinta akan negara terletak di pundak generasi muda. Hal ini menunjukkan betapa pentingnya menyayangi bumi merdeka ini agar tidak dijajah kembali daripada sebarang anasir luar. Peperangan Alaf 21 kini bukanlah dengan menghunus senjata tetapi peperangan untuk menentang perhambaan maya. Sayugia, usaha menyatukan rakyat Malaysia berada di puncaknya apabila kita sentiasa meletakkan Rukun Negara yang lima sebagai garis panduan yang wajib dipatuhi sebagai syarat sah kita bergelar rakyat Malaysia.

Rukun yang lima, rukun kita bersama. Aspirasi ini perlu disematkan dalam diri agar menjadi pegangan demi meluhurkan nilai integriti dalam setiap individu seiring dengan ideologinya yang bertujuan menimbulkan semangat dan identiti yang sama sebagai rakyat Malaysia. Rukun Negara ini sememangnya disifatkan untuk menjadi rangka matlamat kepada eratnya perpaduan kaum melihatkan kepelbagaian yang Malaysia miliki tidak kiralah perbezaan yang wujud dalam bentuk warna kulit, ideologi, budaya dan agama sekalipun.

Prinsip-prinsip rukun negara ialah:

1. Kepercayaan kepada Tuhan;
2. Kesetiaan kepada Raja dan Negara;
3. Keluhuran Perlembagaan;
4. Kedaulatan Undang-undang; dan
5. Kesopanan dan Kesusilaan.

Selepas tiga belas tahun kita mengecap nikmat kemerdekaan, gagasan ideologi kebangsaan ini dibentuk pada 31 Ogos 1970 akibat daripada peristiwa hitam yang mencoreng arang dalam lipatan sejarah Tanah Melayu iaitu tragedi 13 Mei 1969. Peristiwa ini telah menjadi detik kesedaran bahawa kemerdekaan itu bukanlah bebas daripada penjajah semata-mata malah apabila kita berjuang menyuburkan rasa sayang dalam diri setiap insan di bumi Malaysia.

Sejurus peristiwa tersebut, Majlis Gerakan Negara telah dibentuk dengan mengambil langkah terbaik dalam membentuk Rukun Negara sebagai panduan ke arah Malaysia yang lebih aman. Hasrat murni Rukun Negara adalah untuk mendukung cita-cita bagi mencapai perpaduan, memelihara cara hidup demokratik, mencipta masyarakat yang adil, menjamin satu cara liberal terhadap tradisi kebudayaan, dan membina satu masyarakat progresif yang menggunakan sains dan teknologi moden. Pohon yang kita semai pada tahun 1970 ini telah tumbuh segar dan membuah hasil apabila Malaysia berjaya menuai rasa sayang dan cinta dalam kalangan rakyat tanpa mengira ras dan bangsa. Kedudukan Malaysia tidak lagi sebuah negara kecil dalam Kepulauan Nusantara. Namun, adakah prinsip ini akan terzhahir tanpa penghayatan dan pengamalan integriti yang menjadi inti pati yang paling penting memastikan matlamat Rukun Negara tercapai?



Takrifkan Integriti; “Kualiti unggul yang wujud secara keseluruhan dan padu. Ia berlandaskan etika dan pencerminan etika dalam tindakan sehari-hari”.

- Pelan Integriti Nasional muka surat 18

Umumnya integriti bermaksud kualiti unggul yang wujud dalam kalangan individu dan berteraskan kepada prinsip berpegang teguh kepada kejujuran dan amalan bermoral tinggi. Integriti juga bermaksud keikhlasan, ketelusan, amanah, benar dan berpegang kepada prinsip. Integriti yang diamalkan oleh seseorang individu akan melahirkan insan yang jujur, beretika serta memiliki nilai-nilai keagamaan dan kerohanian yang kukuh. Nilai integriti ini amat penting bagi melahirkan masyarakat yang telus dalam menjalankan amanah yang dipertanggungjawabkan. Contohnya, antara tekad yang dekat di hati penjawat awam; “saya yang menurut perintah” dalam setiap urusan rasmi, namun adakah perintah akan dipatuhi sekiranya mencabuli nilai integriti? Maka, cadangan baru menggantikan ‘perintah’ dengan ‘amanah’ merupakan langkah proaktif dan dianggap tepat untuk mengangkat maksud sebenar integriti dalam perkhidmatan awam.

Integriti juga berkadar langsung dengan penghayatan Rukun Negara. Apabila prinsip dan ideologi Rukun Negara diimani dan diamalkan oleh setiap rakyat Malaysia maka secara tidak langsung ia akan mengukuhkan integriti dan toleransi kepelbagaian pengamalan agama dan budaya di Malaysia. Pengukuhan integriti dalam konteks ini ialah meningkatkan persefahaman, permuafakatan dan saling menghormati antara satu sama lain yang mencerminkan wujudnya kesatuan hati. Usaha pengukuhan integriti melalui pembentukan Rukun Negara terbukti apabila Kepercayaan Kepada Tuhan diletakkan sebagai prinsip paling utama ideologi tersebut.

Penduduk Malaysia terdiri daripada masyarakat yang berbilang kaum, agama dan budaya bebas mengamalkan kepercayaan masing-masing tanpa melupakan peruntukan perlembagaan iaitu agama Islam sebagai agama rasmi persekutuan. Kepercayaan kepada tuhan juga merupakan konsep pembentukan individu menjadi manusia yang sentiasa “amar makruf nahi mungkar” tanpa mengira anutan kerana semua agama menuntut kepada pengamalan kebaikan dan kebajikan. Kegagalan dalam menerapkan penghayatan Rukun Negara dalam jiwa masyarakat akan menggugat persefahaman kaum dan keharmonian negara serta menjejaskan usaha pembentukan identiti dan integriti kebangsaan.

Tuntasnya, nilai integriti ini penting dan perlu diamalkan oleh setiap lapisan masyarakat tanpa mengenal agama dan bangsa. Agama Islam menegah umatnya untuk melakukan sesuatu perkara yang sia-sia, yang tidak membawa apa-apa faedah serta yang boleh membawa kepada kemusnahan.

Allah SWT berfirman; “Dan tolong-menolonglah kamu dalam mengerjakan kebajikan dan takwa, janganlah tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran”. - QS Al-Maidah: Ayat 2

Intiha, sayangi negara bukan sekadar ungkapan dan laungan demokrasi, ia perlu diterjemah melalui penghayatan lima rukun sedia ada di samping pengamalan integriti terbaik sepanjang masa tanpa mengira sesiapa kerana kita semua perlu percaya, mencapai kemerdekaan adalah sukar, mengekalkan kemerdekaan adalah jauh lebih sukar.



ULASAN BUKU


Oleh: Shazana binti Zainal Abidin, UI KPM

Buku tulisan Stephen R Covey, “*The Seven Habits of Highly Effective People*”, memberi panduan bagaimana untuk meningkatkan keberkesanan seseorang individu supaya menjadi lebih berjaya. Penulis telah mencadangkan pengamalan tujuh prinsip atau tabiat utama iaitu menjadi proaktif, bermula dengan fikiran, prioriti, berfikir secara menang/menang, mula memahami sebelum difahami, bersinergi dan “tajamkan gergaji”.

Penulis mengaplikasikan konsep “*maturity continuum from dependence to independence to interdependence*” (Covey, 2013, p.56). Dalam kata lain, setiap individu bermula sebagai tanggungan (*dependents*) sebelum mereka mula matang dan menjadi seorang yang mampu berdikari dari segi fizikal, emosi, kewangan dan lain-lain. Seterusnya, saling bergantung (*interdependence*) merupakan satu fasa optimum keberkesanan individu sebagai seorang yang berdikari.

Perbincangan buku ini dimulakan dengan informasi utama tujuh tabiat dan formula kepada keberkesannya dengan didukung oleh contoh-contoh peribadi, sejarah serta bukti perundangan. Covey menyebut mengenai amalan demokrasi Amerika Syarikat mencipta paradigma yang mengubah “*standard of living, of freedom and liberty, of influence and hope unequalled in the history of the world*” (Covey, 2013, m.s. 38).

Selain itu, idea mengenai prinsip seseorang sebagai asas dalam diri individu dan tidak boleh diubah (Covey, 2013, m.s. 41) dilihat agak rapuh dan boleh dihujahkan. Apabila penulis mengemukakan prinsip maruah manusia (*human dignity*) (Covey, 2013, m.s. 42) dengan contoh konsep yang diambil daripada *United States Declaration of Independence* yang menyatakan bahawa “*.. that all men are created equal, that they are endowed by their Creator with certain unalienable Rights, that among these are Life, Liberty, and the pursuit of Happiness*”, namun hakikatnya dunia seperti ini tidak wujud.



Manusia terikat dengan tataperaturan dan setiap negara memerlukan undang-undang sebagai unsur kawalan di samping untuk mewujudkan satu masyarakat yang harmoni dan stabil.

Manusia masih memerlukan undang-undang bagi menjamin kehidupan anggota masyarakat mampu bergerak lancar serta teratur tanpa sebarang gangguan agar semua anggota masyarakat merasa selamat dan acapkali peraturan itu tidak selari dengan prinsip hidup seseorang individu.

Tiga tabiat yang dikumpulkan di bawah tajuk *Private Victory* merupakan tabiat yang fundamental yang membantu membangunkan tabiat sendiri individu. Menerusi buku ini, Covey memeri pentingkan *private victory* terlebih dahulu kerana dalam usaha membuat perubahan dalam kumpulan, apa yang penting adalah untuk melakukan perubahan dalam diri sendiri. Langkah ini merupakan langkah pemula bagi pembangunan tabiat-tabiat seterusnya yang mana merupakan satu mengembangkan kemahiran kepimpinan dan pengurusan dalam diri. Covey juga telah membuat satu garis pemisah antara apa yang difrasakan oleh beliau sebagai “*personality ethic*” dan “*character ethic*” yang mana berkisarkan prinsip-prinsip peribadi yang tidak berubah. Covey percaya kejayaan luaran bukan satu kejayaan hakiki jika tidak dimanifestasikan dengan penguasaan dalaman atau dalam pentafsiran lain, perubahan dalam diri itu merupakan satu kejayaan unggul berbanding kejayaan bagi mengubah diri orang lain. *Private victory must precede public victory.*

Namun, Covey tidak meletakkan keperluan untuk menghapuskan tabiat buruk dalam diri kita sebaliknya kewajaran kita membentuk tabiat yang baik. Hal ini kerana, lebih ramai berpendapat bahawa tabiat yang baik ini memerlukan penumpuan yang lebih untuk dipupuk, dipraktikkan dan ianya tidak datang secara sendiri.

Hakikatnya, untuk mengubah tabiat seseorang itu bukanlah melalui pandangan kita kepada dunia tetapi persepsi dunia melihat kita. Antara tujuh tabiat yang tersenarai di dalam buku ini ialah dengan bertanggungjawab ke atas hidup kita sendiri, membuat keputusan yang lebih bijak dan strategik, mengurus dan meningkatkan hubungan dengan keluarga serta sahabat, mengatasi tabiat buruk, mempertingkatkan produktiviti diri, mencari keseimbangan hidup mahupun kerja yang sihat dan menjadi diri sendiri yang paling bahagia.

Buku ini merupakan sebuah naskhah yang menarik untuk dibaca baik sebagai *self-help* atau pun sebagai manual kepimpinan atau pentadbiran. Hal ini menyebabkan buku ini mendapat sambutan yang luar biasa kerana kemampuan untuk mencakupi lebih banyak kumpulan sasar dan ianya juga dianggap sebagai satu buku yang meluahkan sebuah pemikiran perniagaan yang klasik.

Jika dilihat secara kasar, tabiat-tabiat yang diutarakan oleh Covey seolahnya ianya merupakan ciri yang biasa (*common sense*). Ianya nampak remeh dan dianggap sukar untuk dilakukan tetapi hakikatnya, kita akan dapat melakukan sesuatu jika kita benar-benar ijhtihad untuk melakukannya.

Kebaikan yang akan diperoleh jika tujuh tabiat ini dilakukan adalah amat besar melibatkan fizikal, rohani dan emosi. Walaupun buku ini telah diterbitkan sejak tahun 1992 namun buku ini masih menjadi rujukan berulang kali kerana sebelum kita bergerak kepada perubahan yang lebih besar dan hebat, perubahan asas dalam diri menjadi kunci penting untuk dimuhasabah terlebih dahulu. Namun, satu amalan yang boleh kita mulakan selepas ini ialah dengan mempraktikkan *Time Management Matrix* (Covey, 2013, m.s. 160) pada setiap permulaan hari, minggu, bulan atau pun tahun.

Melalui quadran ini, kita mampu melihat serta merencana aktiviti-aktiviti mengikut keutamaan seperti yang telah ditetapkan pada setiap quadran. Hal ini secara tidak langsung akan menjadikan kita seorang yang lebih produktif malah lebih efektif. Quadran pertama adalah prioriti anda (*urgent, important*), quadran keempat adalah sesuatu yang paling penting untuk disingkirkan (*not urgent, not important*). Quadran ketiga memerlukan ketegasan dalam penentuan perkara yang ingin dikategorikan di quadran ini (*urgent, not important*) manakala perkara paling penting untuk diberi perhatian ialah di quadran kedua (*not urgent but important*) dengan memperuntukkan sekurang-kurangnya 10% dari masa anda untuk melaksanakan perkara-perkara yang penting tetapi tidak segera. Buku ini lebih menjurus kepada bersifat falsafah berbanding buku-buku dari genre yang sama iaitu genre *self-help*.




SUCCESS

Buku ini tidak mengandungi poin-poin yang boleh dilaksanakan dengan serta-merta atau secara langsung tetapi ianya lebih kepada memberi refleksi atau nuansa kerangka kerja kepada kehidupan yang lebih baik untuk individu mahupun dari aspek profesional.

Buku ini dilihat bukan sahaja boleh dikategorikan sebagai buku pembangunan sendiri malah boleh merentas genre sebagai buku kepimpinan ataupun asas kepada perniagaan maka mesej yang diterima bergantung kepada keperluan individu tersebut seperti imej yang dapat kita lihat sekilas dari gambar di bawah. Walau bagaimanapun, untuk melengkapkan pembacaan buku ini, adalah dicadangkan supaya buku "Getting Things Done" oleh David Allen yang antara intipati buku tersebut ialah kaedah untuk menentukan keutamaan (*prioritising*) dalam urusan kita.

Maka secara ringkasnya, tabiat merupakan suatu nilai yang boleh berubah bergantung kepada matlamat dan keinginan individu dalam hidupnya. Perubahan yang besar bukanlah bergantung kepada perubahan sistem yang sering dilihat lompong tetapi dengan melakukan perubahan kecil di dalam diri individu itu sendiri yang pasti akan memberi kesan kepada sistem di sekelilingnya. Bukan mudah untuk membiasakan yang betul dan membetulkan yang biasa.



Ilusi optik atau ilusi visual ini dicirikan melalui suatu imej yang dilihat secara visualnya berbeza dengan objektif realiti. Pada dasarnya, pandangan mata mungkin berbeza dengan 'pandangan' otak. Maklumat yang diperoleh melalui penglihatan akan disalurkan kepada otak untuk ditafsirkan dan ada kalanya membentuk persepsi yang pada hakikatnya, berbeza dengan imej sebenar. Sekian.

7 HABITS OF HIGHLY EFFECTIVE PEOPLE

By Stephen Covey

01. BE PROACTIVE

02. BEGIN WITH THE END IN MIND

03. PUT FIRST THINGS FIRST

04. THINK WIN - WIN

05. SEEK FIRST TO UNDERSTAND THEN TO BE UNDERSTOOD

06. SYNERGIZE

07. SHARPEN THE SAW

A TIMELESS BESTSELLER

'There are very few business books that are essential reading for anyone who wants to make a difference. This is one of the great ones'

- Seth Godin, author of *The Icarus Deception*

'Every so often a book comes along that not only alters the lives of readers but leaves an imprint on culture itself. The 7 Habits is one of those books'

- Daniel Pink, author of *Drive* and *To Sell Is Human*

CONSIDERED ONE OF THE MOST INSPIRING AND IMPACTFUL BOOKS EVER WRITTEN, *The 7 Habits of Highly Effective People* has captivated readers for 25 years. It has transformed the lives of Presidents and CEOs, educators and parents – in short, millions of people of all ages and occupations have used its step-by-step pathway to adapt to change and to take advantage of the opportunities that change creates.

Recognized as one of *Time* magazine's 25 most influential Americans, STEPHEN R. COVEY was an internationally respected leadership authority, family expert, teacher, organizational consultant and author. His books have sold more than 25 million copies in 38 languages, and *The 7 Habits of Highly Effective People* was named the No.1 Most Influential Business Book of the Twentieth Century. After receiving an MBA from Harvard and a doctorate degree from Brigham Young University, he became the co-founder and vice chairman of FranklinCovey, the leading global professional services firm.

FranklinCovey

Simon & Schuster UK
SELF-HELP/BUSINESS
Rs 550

www.simonandschuster.co.uk
www.simonandschuster.com.au

ISBN 978-1-47113-182-0



AMERICA: WARD © 1989, 1990

AKU SAYANG MALAYSIA

Oleh: Mohd Khelmi bin Khalid, UI KPM

*Aku Sayang Malaysia
Semangat juang pahlawan lama
Bertumpah keringat darah tidak terkira
Demi memperkasakan negara tercinta*

*Aku Sayang Malaysia
Namamu mekar di dalam dada
Kesuburan tanah kaya hasilnya
Menjana ekonomi sepanjang masa*

*Aku Sayang Malaysia
Kasih sayang dan toleransi rakyatnya
Senyuman elok manis wajahnya
Hati terpahat cinta terbina*

*Tanah tumpah darahku Malaysia
Namamu gah seantero dunia
Aku bangga menjadi warganya
Harmoni dalam pelbagai bangsa*



PULANG

Pelaut Membelah Samudera

Oleh: Sharifah Nurshafazillah binti Rosli, UI KPM

PULANG adalah sebuah filem biografi hebat dihasilkan oleh Sutradara Khabir Bhatiar berlatar belakangkan perkampungan nelayan Serkam, Melaka yang mampu memberi kesan terhadap memori generasi muda hari ini tentang kesusahan hidup zaman pra merdeka. Pulang secara keseluruhannya menelan belanja RM6 juta telah diilhamkan daripada kisah realiti merentasi tiga generasi keluarga iaitu Othman (bapa), Omar (anak) dan Ahmad (cucu). Karya hebat ini telah dizahirkan dengan arahan seni yang sangat mengagumkan dengan plot cerita yang sangat mengujakan. Filem ini mengangkat tema berpaksikan nilai bersahabatan, kekeluargaan dan kehidupan masyarakat berbilang bangsa yang harmoni sebagai inti pati utamanya.

Kisah Pulang bermula pada tahun 1940-an yang menampilkan Othman sebagai anak jati Kampung Serkam, di mana kudratnya telah dihabiskan di lautan. Dia lelaki yang terasuh melalui gelombang, ombak dan ribut taufan, lelaki yang tahan dibanting dan dihempas biarpun kadangkala lautan seperti mahu mengorbankannya di dasar yang penuh karang itu.

Pada zaman penjajahan Jepun, penduduk hidup dalam ketakutan dan penderitaan. Bunyi ledakan bom, bau peluru dan belerang di segenap pelusuk, kampung-kampung dibakar, isi rumah digeledah, barang makanan dirampas, wanita-wanita dirogol, para lelaki diangkut menaiki trak menyaksikan kezaliman tentera Nippon yang tidak berpenghujung.

“Lelaki semua keluar! Jangan sampai kami masuk”.


Itu kali pertama Othman meninggalkan Che Thom yang sedang sarat mengandung. Othman telah diseret dan dihumban ke halaman rumah bersama lelaki-lelaki lain menaiki trak ke destinasi yang tidak diketahui. Azabnya hidup di alam perang, Tuhan sahaja yang tahu. Tanggal 15 Februari 1942, bendera Union Jack sudah dibakar Jepun. Dalam tahanan, Othman bertemu Lum, seorang lelaki berbangsa Cina yang berpura-pura menjadi lelaki Melayu kerana bimbang akan dibunuh oleh tentera Jepun.



Menyimpul kasih dengan Che Thom, gadis yang setia menumpahkan kasih hanya untuk Othman. Che Thom, gadis kampung yang berasal daripada Temerloh, Pahang sampai ke Serkam Laut, Melaka, semata-mata untuk berbakti pada nenek saudaranya, Che Puteh. Che Thom sama sekali tidak menyangka, di bumi Melaka inilah dia mengenal erti persahabatan, cinta pertama, kesabaran serta pengharapan menanti sebuah kepulangan.

Cinta dan kasih membawa Othman dan Che Thom ke alam perkahwinan. Namun, selepas dua tahun perkahwinan mereka, tentera Jepun telah menyerang Tanah Melayu. Tahun 1941 bagai meragut segala kebahagiaan mereka dan seluruh penduduk Tanah Melayu. Gendrang perang bagai semakin menguasai Tanah Melayu.





“
Dia lelaki yang terasuh melalui gelombang, ombak dan ribut taufan, lelaki yang tahan dibanting dan dihempas biarpun kadangkala lautan seperti mahu mengorbankannya di dasar yang penuh karang itu”.

“Assalamualaikum, Omar”.

Laju sahaja Othman memberi salam apabila diminta Lum untuk berbuat demikian. Lum tahu nyawanya pasti melayang sekiranya tentera Jepun mengetahui ada lelaki bangsa Cina menyelip masuk dalam barisan orang Melayu.

“Dia Orang Cina!”.

Jerkah tali barut Jepun sambil menuding ke arah Lum yang semakin jauh langkah menuju ke belukar. Nyawa masing-masing bergantung Tuhan dan kepantasan diri. Lari Othman! lari!. Ketika menyelamatkan diri, Othman terkena satu das tembakan tepat di kakinya namun digagahi jua apabila teringatkan Che Thom yang sedang menanti hari untuk melahirkan cahaya mata sulung mereka. Othman akhirnya berjaya meloloskan diri daripada cengkaman Jepun bersama sahabat berbangsa cina yang baru dikenali bernama Lum. Mereka ditemui oleh penduduk kampung di Pantai Kesang dalam keadaan tidak bermaya. Othman pulang ke pangkuan Che Thom yang telah selamat melahirkan anak mereka yang dinamakan Omar. Bagi Che Thom, itu kali pertama Othman meninggalkannya dan pulang ke pangkuan keluarga.

Selepas perang tamat, Othman menyangka kesempatan hidup akan hilang. Tetapi takdir menentukan, hidup mereka masih susah. Banyak kemusnahan berlaku, makanan dicatu, beras sukar untuk diperolehi, ubi kayu dan keledak ditanam untuk mengisi perut sendiri. Othman selalu menyebut yang senang tak datang bergolek. Rezeki perlu dikejar. Kerana itu Othman terus berlayar jauh, membawa diri untuk mencuba nasib dalam usaha mengubah corak hidup keluarga tersayang. Langsung tidak diendahkan ribut yang mendatang. Ombak yang mendesah pantai, angin bertiup kencang, menunjukkan tanda ribut bakal datang. Othman tetap berkeras mahu turun ke laut mencari ikan kerana dia yakin ikan banyak pada waktu begitu. Itu kali kedua Othman pergi dan pulang ke pangkuan Che Thom dan Omar.

Suatu hari, Othman menyatakan hasrat kepada Che Thom mahu menjadi kelasi kapal. Tuntutan hidup menyebabkan Othman bersungguh untuk bekerja sebagai kelasi, belayar mengelilingi dunia demi memperbaiki kehidupan dan mengumpulkan harta kekayaan demi isterinya itu dan anak tunggal mereka Omar.

Namun segalanya berubah, apabila Othman direkrut sebagai kelasi di sebuah kapal kargo British dan telah meninggalkan Che Thom bersendirian dengan anaknya, Omar, untuk kali terakhir.

Sejak itu, Othman tidak lagi pulang ke pangkuan keluarganya selama lebih 61 tahun. Jiwa Che Thom bagai terperangkap dalam satu kolong masa yang penuh kabut. Biarpun terpisah beribu batu oleh lautan, menunggu kiriman poskad yang tidak kunjung tiba, jauh sekali bertanya khabar, namun Che Thom tetap menyimpan seribu pengharapan dia mahu tahu kenapa Othman pergi dan tidak pulang ke pangkuan keluarganya.

Ketika Othman meninggalkan kampung, anaknya Omar baru berusia lingkungan 5 tahun. Barangkali belum mengerti apakah kesulitan yang bakal menanti keluarganya. Poskad terakhir yang dikirim Othman adalah dari Hong Kong. Che Thom pernah bergolok gadai ke Hong Kong mencari Othman namun usahanya sia-sia.

Menjadi saksi kerinduan ibunya terhadap bapanya, Omar menjejak bapanya yang pernah berjanji untuk pulang. Tahun 1966, Omar menjejakkan kakinya ke Liverpool pada usia 24 tahun, ketika pencarian itu, dia menemui titik akhirnya. Omar menemui bapanya di Kelab Kelasi Melayu yang bertempat di Liverpool. Omar pernah memujuk bapanya untuk pulang ke pangkuan keluarga namun bapanya itu seolah-olah menyimpan seribu rahsia. Omar langsung tidak menceritakan perihal dia bertemu bapanya di Liverpool kerana ibunya tidak mahu lagi dia menyebut tentang bapanya.

Othman bin Haji Alias. Meninggal dunia pada Disember 1966 pada usia 53 tahun, lokasi GEN I, Anfield, Liverpool

Othman telah pergi sebelum Che Tom. Bersendirian, tiada keluarga di sisi, meninggalkan surat terakhir sebelum dia pergi selama-lamanya. Ya, Othman tetap berpegang pada janjinya. Dia pernah pulang sehelai sepinggang dek kerana kapalnya karam. Namun, memikinya dia tidak mampu memberikan kekayaan kepada isterinya, Othman kembali berlayar dan meninggalkan keluarganya. Dititipkan bersama kalung leher untuk Che Thom. Hebatnya takdir Tuhan. Luar biasa sungguh kesetiaan Che Thom. Che Thom akhirnya menghembuskan nafas terakhir di sisi keluarganya.



Kisah realiti yang diterjemahkan ke layar perak ini berjaya membuka mata ramai pihak tentang tugas dan cabaran sebagai kelasi melayu. Suatu ketika dahulu, kelasi melayu mendapat tempat di mata syarikat empayar British. Umpama sirih pulang ke gagang, kelasi Melayu ini bagai melestari semangat panglima Awang Hitam yang terkenal sebagai pengembara suatu ketika dahulu.

Lautan biru tidak selalunya tenang, musibah boleh melanda pada bila-bila masa. Justeru bagi merealisasikan harapan negara ke arah pembentukan negara maju, kita seharusnya bersedia memerdekakan minda daripada anasir negatif dan bersedia meneroka dunia luar bagi mempersiapkan diri mempelajari selok-belok kejayaan yang telah dikecapi negara maju bagi kelestarian generasi akan datang.

Keazaman Othman untuk memerdekakan keluarganya daripada tampuk kesempitan hidup mendorongnya terus berhijrah meskipun dia punya peluang untuk hidup bersama keluarganya seperti penduduk kampung yang lain dengan norma rutin sejak berzaman. Semangat juang dan kental Othman mengalir deras di dalam jiwa anaknya, Omar. Meskipun telah lama hidup dalam kemiskinan, namun Omar jelas merdeka mindanya. Kemiskinan tidak dijadikan sebagai batu penghalang dalam Omar mencari cahaya hidup, mengeluarkan keluarganya dari terus dibelunggu kebuntuan hidup, sama seperti ayahnya. Namun, Omar menjadikan pelajaran sebagai batu loncatannya kepada hidup yang lebih baik, serta usahanya untuk menemukan semula ibu dengan ayahnya yang telah lama terpisah.

Filem ini memaparkan nuansa refleksi kegigihan di sebalik kepayahan generasi terdahulu untuk menongkah arus, membawa diri kepada tingkat hidup yang lebih baik. Tanpa jati diri, azam dan semangat yang tinggi pasti akan lumpuh di tengah jalan. Omar menggambarkan imej seorang individu yang kuat semangat juang demi ibu yang tersayang. Seorang insan biasa dengan usaha yang luar biasa, Omar mampu menempatkan diri di dalam sekolah premium yang pada masa itu eksklusifnya hanya kepada anak-anak bangsawan serta anak-anak yang benar-benar cemerlang dan Omar adalah tergolong daripadanya. Sekian.

Alhamdulillah, hasrat abah tertunai juga akhirnya. Dalam pertemuan itu, memang kami bersembang mengenai hasrat untuk membawanya pulang bertemu dengan ibu”

Omar Othman, Pencetus Pulang

“
Nuansa refleksi kegigihan di sebalik kepayahan generasi terdahulu untuk menongkah arus, membawa diri kepada tingkat hidup yang lebih baik”.



“
Tanpa jati diri, azam dan semangat yang tinggi pasti akan lumpuh di tengah jalan”.



WACANA INTEGRITI SIRI 1/2018

Anjuran bersama:

20 Februari 2018 (Selasa)
8.30 pagi hingga 1.00 tengah hari

Dewan Serbaguna, Aras 9
Blok E12, Kompleks E, Putrajaya

Unit Integriti KPM
& Bank Islam

"Rahsia Di Sebalik Kemampanan Sistem Perbankan Islam"

YBhg. Tn. Ismail bin Taib
Senior Manager Consumer Banking Division,
Bank Islam Malaysia Berhad

"DUNIA BERKAT AKHIRAT SELAMAT"

YBhg. Ustaz Mohamad Amirul Amin Maula Lokman Hakim
Pencetus Ummah Tahun 2015

